

JABATAN PELAJARAN JOHOR,  
JALAN TUN ABDUL RAZAK,  
80604 JOHOR BAHRU,  
JOHOR DARUL TA'ZIM

Telefon:  
Pengaruh : 07-2361787  
Pejabat Am : 07-2361633  
: 07-2332200  
No. Fax : 07-2385789  
: 07-2378319  
Peperiksaan : 07-2361979  
No. Fax : 07-2369084  
e\_mail : jpnjohor@joh.moe.gov.my

SPM ICT NO. TEL : 07-231 0185 NO. FAKS : 07-2377 160

Ruj. Kami : JPNJ.SPMICT(21)/100-4/2/1 Jld. 2(97)  
Tarikh : 12 Syaaban 1434 H  
21 Jun 2013

Semua  
Pegawai Pelajaran Daerah  
Pejabat Pelajaran Daerah  
Negeri Johor.

Tuan/Puan,

### PELAKSANAAN RASMI PENGGUNAAN SISTEM PENGURUSAN SEKOLAH (SPS ) DI SEMUA SEKOLAH NEGERI JOHOR TAHUN 2013.

Merujuk kepada surat **KP(BTP-PENT)880/50/23-2(20) tarikh 10 Jun 2013** adalah dengan jelas menerangkan maksudnya.

2. Sehubungan dengan itu, aplikasi Sistem Pengurusan sekolah (SPS) ini akan mula dilaksanakan diperingkat negeri Johor pada 01 Julai 2013 selepas pihak sekolah telah mendapat URL dan latihan daripada pihak PKG zon masing-masing sepertimana taklimat perluasan yang telah diberikan kepada semua Pengetua dan Guru Besar yang berakhir 14 Jun 2013.
3. Pihak PKG dibawah seliaan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor (BTPN) akan bertanggungjawab penuh terhadap latihan penggunaan SPS secara menyeluruh diperingkat sekolah. Oleh itu pihak sekolah perlu memberi perhatian sepenuhnya semasa sesi latihan diberikan.
3. Pihak sekolah perlu melantik Penyelaras Bestari atau Penyelaras ICT untuk menghadiri latihan sebagai admin SPS disekolah dimana URL , nama pengguna dan katalaluan akan diberikan untuk semasa latihan berlangsung.
4. Adalah ditegaskan di sini bahawa **SEMUA** sistem dan aplikasi yang sedang diguna pakai di sekolah pada masa sekarang akan terus beroperasi secara selari dengan perluasan SPS. Pemberhentian pengoperasian sistem dan aplikasi seperti EMIS, APDM, SMM dan lain-lain sistem hanya akan ditamatkan secara berperingkat apabila SPS telah disempurnakan dan stabil.
5. Pihak tuan/puan juga adalah diminta untuk memanjangkan makluman ini ke semua sekolah di bawah selian pihak tuan/puan masing-masing. Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,


  
(**MOHD NOR BIN A. GHANI**)  
Pengaruh Pelajaran Johor

Sijil Pendaftaran  
No. PA 0059  
Sistem Kualiti MS ISO 9000  
Perkhidmatan Awam Malaysia



Malaysian Public Service  
MS ISO 9000 Quality System  
Registration Certificate  
No. PA 0059





Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran  
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)  
Kementerian Pelajaran Malaysia  
Aras 3, Blok E8  
Kompleks Pejabat Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA

tel : 03-8884 6148  
03-8884 6149  
faks : 03-8884 6146

Ruj. Kami: KP(BTP-PENT) 88 10/50/23-2 ( 20 )

Tarikh: 10 Jun 2013 / 1 Syaban 1434H

Pengarah  
Jabatan Pelajaran Johor  
Jalan Tun Abdul Razak  
80604 Johor Bahru  
Johor Darul Takzim

ke SPM  
mudikan  
18/6

Tuan,

**PENGGUNAAN SISTEM PENGURUSAN SEKOLAH (SPS) DI SEMUA SEKOLAH NEGERI JOHOR TAHUN 2013**

Sukacitanya perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Peluasan Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) Bil. 1/2013 bertarikh 18 Januari 2013 adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) Ke-199 Bil. 2/2012 pada 3 Mei 2012 yang dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Yassin telah bersetuju bahawa peluasan aplikasi Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) ke semua sekolah merupakan penyelesaian kepada pelbagai aplikasi (*multiple data entry*) di sekolah.

3. Sehubungan dengan itu, aplikasi Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) adalah satu pangkalan data tunggal yang akan menjadi *primary data source* di sekolah. Ini bertujuan untuk memastikan agar semua inisiatif pembangunan aplikasi yang dibangunkan pada akan datang oleh mana-mana pihak perlu berintegrasi dengan pangkalan data ini bagi mengelakkan kemasukan data yang sarna berulangi oleh pihak sekolah. Ia juga bertujuan untuk membolehkan maklumat terkini dapat disalurkan kepada pihak berkepentingan seperti JPN,PPD dan bahagian-bahagian KPM bagi tujuan analisis dan pelaporan.



4. Untuk makluman tuan, berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Peluasan SPS Bil. 1/2013 bertarikh 18 Januari 2013 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KPPM, penggunaan enam modul teras SPS di semua sekolah merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri mulai tahun 2013.

5. Oleh yang demikian, pihak tuan dan Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) perlu membuat perancangan rapi bagi pelaksanaan penggunaan enam modul SPS Fasa 1 mulai 30 Mei 2013 di semua sekolah Negeri Johor.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**( DATUK DR. AMIN BIN SENIN )**  
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia